

09 APR 1996

Parlimen-Gulung

KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKALKAN KELAS TINGKATAN ENAM

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan mengekalkan kelas Tingkatan Enam memandangkan ia masih diperlukan untuk menampung jumlah pengambilan pelajar ke universiti yang semakin meningkat, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus hari ini.

"Program Matrikulasi tidak boleh menggantikan Tingkatan 6 kerana program tersebut diwujudkan dengan objektif dan strukturnya tersendiri yang berlainan daripada pendidikan Tingkatan 6," katanya ketika menggulung perbahasan usul mengucap terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong bagi kementeriannya di persidangan Dewan Rakyat.

Kementerian juga sedang meneliti semula sistem persekolahan satu sesi dengan mengambil kira kekuatan serta kelemahannya untuk membantu pengajaran-pembelajaran bagi semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Agama Islam, kata beliau.

Mengenai masalah kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Khalid berkata kerajaan telah mengambil langkah menyerapkan guru-guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang memenuhi syarat kelayakan yang diperlukan ke program Kursus Dalam Cuti Khas ke sekolah-sekolah tersebut

Di samping itu, bilangan guru pelatih yang diambil untuk kursus Pengajian Cina bagi program Diploma Perguruan Malaysia (DPM) juga akan ditambah, katanya.

Khalid berkata menjelang tahun 2000, seramai 720 guru terlatih dalam komputer akan dihasilkan daripada Program Komputer Dalam Pendidikan di peringkat Pusat dan seterusnya melaksanakan latihan dalaman untuk semua guru di sekolah.

Usaha yang sama juga telah dirangka dan dilaksanakan bagi menyediakan guru pelatih di maktab perguruan yang berkemahiran komputer, katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar berkata pemeriksaan terhadap premis perniagaan akan dipertingkatkan bagi membanteras segala bentuk penyelewengan seperti menyorok barangan dan menipu dalam urusan timbangan atau sukatan.

"Sepanjang tahun ini, kementerian akan menjalankan pemeriksaan di bawah program Ops Sedar terhadap 500,000 premis perniagaan di seluruh negara berbanding dengan 480,000 dalam tahun 1995," katanya.

Beliau juga menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya kadar inflasi kurang daripada empat peratus itu tidak tepat kerana tidak mengambil kira kos perkhidmatan dan barangan keperluan lain.

"Indeks Harga Pengguna (IHP) mengambil kira 430 barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak perbelanjaan keseluruhan isi rumah di Malaysia," katanya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata kementerian akan membina enam buah institut latihan perindustrian dan tiga pusat latihan lanjutan dan kemahiran tinggi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh termasuk sebuah institut teknikal Jepun-Malaysia.

Katanya, langkah itu bertujuan melahirkan lebih banyak tenaga mahir untuk memenuhi keperluan tenaga buruh terlatih negara semasa dan masa akan datang.

Menurutnya, mulai 1 Julai 1993 sehingga 15 Mac 1996, seramai 807,101 pekerja tempatan telah dilatih semula atau ditingkatkan kemahiran membabitkan geran latihan berjumlah RM164 juta.

Beliau juga berkata insiden kemalangan di tempat kerja menurun sejak 1992 walaupun bilangan majikan dan pekerja semakin meningkat. Insiden

kemalangan di tempat kerja pada 1995 ialah 99,413 kes berbanding 109,447 kes pada tahun sebelumnya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding pula berkata lebih banyak talian akan disediakan untuk membolehkan lebih ramai penduduk negara ini menyertai Internet.

Mengenai keanggotaan Majlis Teknologi Maklumat, beliau berkata hanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi majlis itu yang berkuasa menentukan keanggotaan majlis itu yang kini terdiri daripada pihak kementerian dan pihak swasta.

Law juga berkata walaupun kejadian pencemaran alam di negara ini masih terkawal, masih ada ruang yang membolehkan langkah diambil ke arah pencegahan dan pengawalan kejadian itu.

Katanya, orang ramai serta sektor swasta perlu memainkan peranan ke arah menjayakan program kerajaan itu.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed pula berkata kementerian akan terus memastikan golongan artis mematuhi peraturan dan menunjukkan tatalaku yang baik.

Beliau juga berkata drama tempatan yang ditayangkan menerusi televisyen memaparkan gambaran sebenar masyarakat dan kementerian tidak bercadang memperkenalkan garis panduan terhadap syarikat penerbitan supaya jangan memaparkan unsur-unsur yang disifatkan sebagai "keras" seperti adengan tengking-menengking.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Mohd Noh Rajab berkata pelancong yang diberi layanan buruk oleh pemandu teksi perlu membuat aduan kepada kementerian supaya perkara itu dapat disiasat dan yang terbabit dikenakan tindakan.

Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan ketika menggulung perbahasan bagi kementerianya berkata kapal terbang Nuri masih dapat memenuhi keperluan dengan berkesan sesuai dengan peranannya sebagai pesawat angkut.

Walaupun kapal terbang itu berusia lebih 20 tahun tetapi alat gantinya masih dapat digunakan dan pemeriksaan berjadual dijalankan sebelum penerbangan dibuat, katanya.

Bagi mengurangkan risiko, anggota dan kakitangan sentiasa diberi kursus untuk menghadapi pelbagai kemungkinan dan beliau menambah kata anggapan bahawa Nuri tidak selamat adalah tidak benar.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Loke Yuen Yow pula berkata satu kajian menyeluruh sedang dijalankan bagi menyasat tahap kemudahan sukan yang terdapat di daerah-daerah di luar bandar.

Beliau berkata kajian itu yang menelan belanja RM800,000 dijalankan oleh Universiti Pertanian Malaysia dan strategi untuk membina kemudahan-kemudahan sukan di kawasan luar bandar akan dibuat daripada hasil laporan itu.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed pula berkata walaupun Mara menghadapi masalah, ia akan terus menjadi agensi penting membela kepentingan Bumiputera dalam menyediakan latihan, perniagaan dan usahawan.

Katanya kementerian sedang berunding dengan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan Mara dapat meneruskan program-programnya seperti tahun-tahun lepas termasuk menghantar pelajar melanjutkan pengajian di institusi luar dan dalam negara.

Sambil menafikan dakwaan kononnya peruntukan Mara semakin berkurangan, Mustapa berkata pada 1991 peruntukan biasiswa Mara ialah RM121.4 juta berbanding RM351.2 juta pada 1995.

Daripada segi pelajar, seramai 5,357 orang dihantar melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara pada 1991 berbanding 15,729 orang tahun lepas.

Beliau juga berkata pada masa ini kementerian dalam peringkat akhir menyiapkan laporan berhubung masalah Mara.

Mustapa berkata apabila Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dikoporatkan kelak, ia akan terus memainkan peranan menjaga hak Bumiputera malah penyertaannya dalam sektor hartanah di bandar dapat diperbaiki.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Tajol Rosli yang menggulung bagi kementerian itu berkata kajian sedang dibuat bagi mewujudkan sistem bil yang boleh diterima oleh Indah Water Konsortium (IWK) dan orang ramai.

Katanya pengguna perlu bersikap adil dalam pembayaran perkhidmatan pembentungan yang diswastakan oleh kerajaan kepada IWK yang bermatlamat mewujudkan satu sistem pembentungan yang dapat diperbaiki sebelum ia diswastakan sebelum ini.

Menurutnya kerajaan sudah mengarahkan IWK supaya mengenakan bayaran antara RM2 dan RM10 terhadap pengguna khususnya di taman perumahan sementara RM2 bagi rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Encik Ong Ka Ting pula berkata sejak 1992 sebanyak 71 kes kematian berlaku dalam kem-kem tahanan pendatang asing di seluruh negara dan kematian itu bukan disebabkan oleh penderaan.

Beliau juga menafikan berlaku pencabulan di kalangan pendatang asing wanita kerana blok tahanan wanita dijagai oleh polis wanita.

Ong berkata jawatankuasa penyiasat yang ditubuhkan pada peringkat kementerian mendapati ada anggota polis melakukan rasuah dan mengambil barang-barang kepunyaan pendatang asing.

Menurutnya selepas siasatan jawatankuasa berkenaan, keadaan kem-kem tahanan kini diawasi oleh Lembaga Pelawat Bebas yang sedang membuat lawatan ke semua kem tahanan pendatang asing.

Beliau berkata tugas lembaga itu antara lain mengenalpasti kelemahan di kem-kem tahanan serta membuat cadangan untuk mengatasinya.

Katanya kerajaan tidak pernah mengumumkan mengenai penubuhan jawatankuasa siasatan itu kerana ia hanya satu siasatan dalaman kementerian berikutan dakwaan Tenaganita dan Ketua Pembangkang Encik Lim Kit Siang.

Mengenai imej polis, beliau berkata sejak 1991 hingga akhir tahun lepas, sebanyak 9,216 tindakan telah diambil terhadap anggota polis yang melakukan kesalahan tingkah laku.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata siasatan mengenai surat layang terhadap badan kehakiman perlu dijalankan kerana tohmahan yang terdapat dalam surat itu mungkin menjejaskan imej serta kewibawaan badan itu.

Siasatan dibuat untuk mengenal pasti identiti penulis, penyebar dan juga kebenaran tohmahan itu, katanya sambil menambah tuduhan atau tohmahan terhadap para hakim boleh menghakis kepercayaan rakyat serta-merta.

"Apabila surat layang ini melibatkan badan kehakiman, orang ramai akan mudah percaya," katanya.

Beliau berkata cadangan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan ditolak kerana adalah memadamkan perkara itu dikendalikan oleh Peguam Negara dan polis.

Mengenai pindaan kepada perlembagaan negeri Sabah, Abdul Hamid berkata ia bergantung kepada Dewan Undangan Negeri Sabah yang memerlukan undi dua pertiga untuk meminda seperti yang termaktub mengikut Seksyen 43 (2) Perlembagaan Negeri Sabah.

Katanya kerajaan pusat hanya bertindak sebagai penasihat sahaja.

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok. -- BERNAMA

HAK RHM ARA NAK